



# NOTIS PENGGALIAN KUBUR DI TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG (FASA 8)

## KUBUR YANG TERJEJAS DI BLOK 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 & 22

Untuk memastikan terdapat cukup tanah bagi pengebumian jenazah masyarakat Islam di masa hadapan, Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA) telah menjalankan program penggalian di Tanah Perkuburan Choa Chu Kang. Kerja-kerja penggalian di Blok 6, 7, 8, 9, 19 dan 20 telah selesai pada tahun 2021.

Kubur-kubur di Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 dan 22 akan digali selepas tarikh tutup pendaftaran. Sisa jenazah akan disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang. NEA telah melantik Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) untuk menjalankan kerja-kerja pendaftaran, pengesahan, penggalian dan pengebumian semula bagi Fasa 8 ini.

### KUBUR UTAMA

Anggota keluarga diundang untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka (dipanggil "**Mayat Utama**") yang dikebumikan di bahagian perkuburan ini. Tempoh tuntutan berakhir **satu tahun dari 13 September 2021**. Kos penggalian dan pengebumian semula akan ditanggung oleh Kerajaan.

### KUBUR TAMBAHAN

Anggota keluarga juga boleh menuntut sisa jenazah anggota keluarga yang lain (dipanggil "**Mayat Tambahan**") (yang dikebumikan dalam Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang) di luar Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 & 22 yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan mayat utama agar sisa jenazah tersebut dari keluarga yang sama dapat disemadikan dalam plot yang sama atau bersebelahan. Anggota keluarga ini mestilah memenuhi tempoh pengebumian **minima** selama 15 tahun sebelum tarikh tutup pendaftaran.


Mayat Tambahan hendaklah mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Mayat Utama seperti berikut:



- Untuk setiap kubur tambahan, **yuran yang tidak akan dikembalikan sebanyak \$80** (sebelum GST) bagi penggalian setiap mayat akan dikenakan.
- Tiada tuntutan tambahan yang akan dijalankan jika terdapat anggota keluarga yang telah menyatakan secara bertulis kepada Muis bahawa dia tidak bersetuju dengan penggalian tersebut.

### FASA 8 KUBUR YANG TERJEJAS

#### Choa Chu Kang Cemetery



### CARA MEMBUAT TUNTUTAN PENDAFTARAN

#### PENDAFTARAN DAN PENGESAHAN KUBUR

- Bermula pada hari **Isrin, 13 September 2021, 9.00 pagi**, anggota keluarga boleh **mendaftar secara dalam talian dengan menggunakan Singpass** menerusi [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg) untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka.
- Berdasarkan langkah keselamatan COVID-19, **pendaftaran secara dalam talian digalakkan**. Penuntut yang tidak dapat mendaftar dalam talian boleh membuat janji temu menerusi [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg) untuk mengunjungi Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO) yang terletak di 7 Muslim Cemetery Path 3, S(718733) (sebelah Masjid Pusara Aman).
- Pengesahan kubur akan dilakukan dengan mengenal pasti gambar yang akan disediakan di portal tersebut sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran dalam talian. Penuntut juga boleh membuat janji temu untuk pengesahan fizikal di MCEO jika perlu.
- Hanya keluarga yang mempunyai **janji temu melalui sistem pendaftaran dalam talian atau telefon di 6238 4504** boleh mengunjungi MCEO.
- Bagi menuntut Kubur Tambahan (kubur yang tidak terjejas) dengan Mayat Utama, janji temu di MCEO diperlukan untuk pengesahan fizikal dokumen dan pembayaran yuran. Janji temu boleh dibuat secara dalam talian menerusi [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg).
- Setelah pendaftaran berjaya, emel dan SMS pengesahan dengan arahan selanjutnya akan diberikan kepada penuntut.

7. Tarikh akhir pendaftaran adalah pada **12 September 2022**.

8. Pejabat MCEO ditutup pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Umum.

#### PROSES PENGGALIAN DAN PENGEBUMIAN SEMULA

- Penuntut akan diberitahu melalui emel dan SMS apabila tarikh penggalian semakin hampir. Penuntut digalakkan untuk menyaksikan proses penggalian dan pengebumian semula. Jika penuntut tidak dapat menyaksikan proses tersebut, sila maklumkan kepada Muis **dua minggu lebih awal** sebelum tarikh penggalian melalui talian 6238 4504 atau emel ke [info@pusara.sg](mailto:info@pusara.sg). Muis perlu diberitahu secara bertulis mengenai sebarang pertukaran alamat atau nombor telefon.
- Kubur akan digali sehingga tanah asal (*liang lahad*) untuk mendapatkan sisa jenazah, jika ada. Sisa jenazah akan dikafarkan dengan kain putih secara individu dan dikebumikan semula.
- Kecuali diminta, batu nisan (jika ada) akan dilupuskan dua minggu sebelum tarikh penggalian.
- Tiada bacaan "Talkin" untuk sisa jenazah kerana tiada keperluan dari segi agama.
- Sisa jenazah akan segera dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang untuk pengebumian semula\* setelah penggalian selesai.
- Penuntut akan menerima dokumen daripada Muis tentang lokasi sisa jenazah yang telah dikebumikan semula (termasuk nombor blok dan plot kubur baru).
- Sisa jenazah akan dikebumikan semula mengikut garis panduan NEA:
  - 8 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang dituntut
  - 16 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang tidak dituntut

\* Penuntut dan anggota keluarga boleh menyaksikan proses pengebumian semula.

#### PENGEBUMIAN SEMULA DI LUAR SINGAPURA

Mereka yang bercadang untuk mengebumikan semula sisa jenazah di luar Singapura boleh memohon Permit Keranda untuk dieksport dari NEA di alamat berikut:

Port Health Office  
4545 Jalan Bukit Merah  
Singapore 159466

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi 6222 2585.

Kos eksport akan ditanggung oleh penuntut.

#### KUBUR YANG TIDAK DITUNTUT

Dalam hal di mana tidak ada penuntut bagi sisa jenazah, kubur tersebut akan direkodkan dan dikategorikan sebagai "kubur yang tidak dituntut". Sisa jenazah akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang.

#### DI MANA ANDA BOLEH MENDAPAT BANTUAN

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di talian **6238 4504** atau layari lelaman [www.pusara.sg](http://www.pusara.sg) atau emel ke [info@pusara.sg](mailto:info@pusara.sg)